

Banyak sungai tercemar di kawasan bandar

Putrajaya: Sejumlah 43 atau sembilan peratus daripada sungai di negara ini mengalami pencemaran, dengan sebahagian besarnya berada di kawasan bandar.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata kebanyakan sungai yang mengalami pencemaran akibat pelbagai sumber, termasuk air dari loji kumbahan, premis industri dan komersial serta akibat jumlah aliran yang kecil berikutan kawasan berturap yang begitu luas.

“Saya bimbang mengenai endapan terampai daripada aktiviti pembangunan tanah apabila kawasan tanah yang luas dibersihkan untuk ditanam semula atau melaksanakan perusahaan tanaman komersial baharu,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucap tama pada Seminar Mengenai Keselamatan Sumber Air Dalam Konteks Matlamat Pembangunan Mapan (SDGD) di sini semalam. Teks ucapan beliau dibacakan Timbalannya, Datuk Hamim Samuri.

Wan Junaidi berkata, dalam ke-



Saya bimbang mengenai endapan terampai daripada aktiviti pembangunan tanah apabila kawasan tanah yang luas dibersihkan untuk ditanam semula atau melaksanakan perusahaan tanaman komersial baharu”

Wan Junaidi Tuanku Jaafar,
Menteri Sumber Asli
dan Alam Sekitar

banyakan kes, langkah kawalan hakisan tidak banyak diberi perhatian dan sebahagian besar enapan akan dihanyutkan ke dalam laluan air ketika hujan.

Kekeruhan air sungai

“Saya menerima laporan bahawa paras kekeruhan sebatang sungai utama di Malaysia mencapai sehingga 6,000 Unit Kekeruhan Nefelometrik (NTU),” katanya menjelaskan bahawa lazimnya, bacaan 1,000 NTU akan menyebabkan loji rawatan air terpaksa ditutup.

Wan Junaidi berkata, Akta Sumber Air yang dicadangkan dijangka memantapkan lagi pengurusan sumber air di negara ini.

“Kementerian saya sedar bahawa komitmen dan kerjasama padu daripada semua pemegang kepentingan adalah diperlukan, terutama kerajaan negeri dan atas alasan itu, kami telah pergi ke semua negeri untuk memberi penjelasan mengenai pentingnya sikap bekerjasama dan menerima rang undang-undang dicadangkan itu,” katanya.

[FOTO HIASAN]



Akta Sumber Air yang dicadangkan dijangka memantapkan lagi pengurusan sumber air di negara ini.